

16/03/1999

Penggiat teater perlu bijak ambil peluang

Jaafar Rani

TEATER kita semakin lemah seiring dengan kegawatan sekarang. Ramai orang sama ada dalam dunia teater mahupun di luar tertanya-tanya mengapa teater Melayu lembap perkembangannya? Betulkah kerana kegawatan ekonomi sekarang?

Mengapa sambutannya masih dingin sedangkan di negara maju perkembangan teater cukup memberangsangkan walaupun persaingan dengan hiburan moden yang lebih canggih begitu ketara?

Hasil pelbagai pertanyaan itu ramai yang mula menjadi bangau dan menuding jari menunjuk salah kepada yang lain. Si A menyalahkan si B dan begitulah sebaliknya.

Pihak yang bertanggungjawab menyalahkan orang teater dan orang teater pula menyalahkan pihak yang bertanggungjawab.

Tuduh-menuduh ini pada hakikatnya sudah lama berlangsung. Sedihnya sedikitpun tidak memberi kesan positif pada perkembangan teater, malah kata orang sekarang makin merudum.

Dalam hal ini alangkah baiknya jika pejuang seni atau penggiat teater dari peringkat rendah kepada setinggi-tingginya dan pihak bertanggungjawab secara rasmi berhenti menyalahkan antara satu sama lain tetapi duduk semeja dan membuka minda seluas-luasnya untuk mencari tatacara kerja yang mudah serta telus ke arah kegemilangan teater kita.

Apabila disebut kegemilangan teater pada hakikatnya dapat dilihat ada dua unsur penting di dalamnya.

Pertama, melihat dari sudut mutu persembahan teater. Ini dilihat secara keseluruhan kerja seni itu bermula daripada skrip hingga munculnya sesuatu persembahan teater di pentas.

Dalam hal ini, kegigihan dan disiplin tinggi semata-mata belum cukup untuk mencapai kegemilangan melainkan diikuti sama oleh ilmu.

Hal ini sangat penting kerana hanya ilmu yang dapat membantu teater cepat bergerak dan lebih penting membolehkan kita tahu serta faham dengan jelas apakah yang kita mahu dan apakah yang kita lakukan. Adakah kedua-duanya selari dan seiring?

Kedua, melihat dari sudut penonton. Apa gunanya membuat persembahan gah hanya pada namanya dengan pelakon yang hebat, skrip masyhur tetapi penonton tidak mahu menonton kerana mereka tidak boleh menerimanya. Mereka tidak mampu menerima teater sebagai hiburan sehingga kaki mereka berat untuk melangkah masuk ke panggung mahupun auditorium menyaksikan pementasan teater, biarpun teater itu percuma.

Dalam hal ini kita bertanya bagaimanakah harus kita memujuk penonton? Tentulah penggiat bidang ini harus bijaksana memasang strategi dan mengkaji minat penonton. Dalam hal ini, semua pihak hendaklah menggembeleng tenaga. Dalam bahasa paling mudah: Janganlah syok sendiri saja!

Sikap gah sendiri, akulah pengarah hebat, pelakon hebat atau penulis skrip hebat sebenarnya tidak sampai ke mana pun. Percayalah!

Kalau kita lihat produk Yusoff Haslam, kita dapati filemnya dihentam dari segi jalan cerita dan pendekatan. Mereka berkata, filem Yusoff konvensional, berulang-ulang, tidak ada teladan dan pelbagai tuduhan lagi. Tapi filem Yusoff untung. Dalam hal ini pernahkah kita bertanya strategi yang digunakan Yusoff? Pernahkah kita bertanya mengapa filemnya meraih kutipan tinggi?

Satu perkara yang tidak harus kita lupa ialah Yusoff sebagai enterprenir yang salah satu sifatnya pandai mengambil peluang dan kesempatan. Penggiat teater juga sepatutnya begitu.

Dalam rencana tulisan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Datuk Tengku Alaudin T A Majid, menyatakan teater muzikal dan kanak-kanak mendapat sambutan dan Panggung Negara bercadang membuka ruang lebih luas supaya pergerakannya menjadi lebih pantas dan meriah. Nah, inilah peluangnya.

Teater kita harus bermula dengan teater ringan tetapi berisi. Mudah difahami dan isu yang ditimbulkan mesti dekat dan berlegar di sekitar khalayak.

Sejak dulu kita tahu masyarakat kita sukakan hiburan. Dalam hal ini unsur hiburan mesti disisipkan secara teliti supaya tidak hilang seri dan sekali gus seninya terpelihara.

Jika kita pembikin teater, janganlah lihat dan duduk memerhati seenaknya, hanya sebagai pembikin. Kita juga harus melihat unsur khalayak. Dalam hal ini barulah kita tahu sejauh mana kemampuan, kesilapan, kekurangan dan kelebihan kita.

Menyatakan ketika ini zaman gawat, ikut menggawatkan teater atau gawat menjadi faktor kelembapan teater adalah pendapat keliru lagi salah.

"Walaupun gawat, kurang wang, kita masih boleh berkarya dengan menggunakan dana minimum. Cari atau cipta skrip yang memerlukan pelakon dan yang terlibat dengan produksi itu dalam jumlah yang sedikit," kata Datuk Noordin Hassan apabila ditanya pendapatnya mengenai kelembapan teater kini.

Pendapat Noordin itu banyak benarnya. Kalau kita mencari contoh, saya kira Di Bawah Lindungan Kaabah arahan Norzizi Zulkafli yang baru-baru ini di pentaskan di beberapa negeri di Malaysia adalah contoh baik. Sambutan yang diterima Norzizi tidak kurang hebat.

Persoalannya, mengapa penggiat muda seperti Norzizi mampu meraih ramai penonton berbanding persembahan penggiat teater mapan?

Kita harus mencari di manakah silapnya? Kita harus mencari di manakah hebat dan lebihnya Norzizi?

Adakah kerana hasil kerjanya bermutu? Adakah pemilihan skripnya? Adakah pemilihan pelakornya atau adakah kerana promosi yang bagus?

Dalam heboh zaman gawat, tiba-tiba Panggung Negara baru bernilai lebih RM200 juta sudah siap. Sekarang Panggung Negara mula beroperasi. Khabarnya pada Mei akan datang persembahan di sana dimulakan.

Mengikut jurucakap, Panggung Negara bermula dengan persembahan muzik. Belum diketahui jenisnya, simfoni mahupun koir.

Bayangkan, Mei tidak lama lagi akan menjelma tetapi belum diketahui apa bentuk persembahannya. Inipun satu hal juga. Tapi kalau ada pihak menegur, mereka yang diberi tanggungjawab di sana mudah melenting.

Panggung Negara sepatutnya memberi khabar gembira kepada penggiat teater tanah air. Tetapi hal yang berlaku adalah sebaliknya.

Khabar yang bertiup kencang menyatakan Panggung Negara akan membawa karya agung dari luar. Ini menimbulkan pelbagai reaksi.

Ada pihak berpendapat untuk menaikkan taraf Panggung Negara dengan persembahan dari luar bukan perkara sukar. Persoalan yang tinggal tidak berjawab ialah kalau bawa persembahan hebat dari luar itu, adakah ia menaikkan taraf teater kita?

Ada pula suara tinggi bertanya mengenai peranan Panggung Negara. Adakah untuk memertabatkan persembahan ataupun teater luar? Apa akan jadi dengan karya tempatan?

Di kalangan orang teater tertentu kedengaran suara sumbang yang menyatakan teater kita teater kelas kedua di mata Panggung Negara dan paling menyedihkan ialah memberi label teater kita tidak bermutu? Memang sinis!

Ada pula yang menyatakan kesalnya kerana Panggung Negara diuruskan oleh orang Malaysia yang selamanya melaung-laungkan perjuangan teater Malaysia,

tetapi merekalah yang akan menolak teater Malaysia.

Kalau yang ditolak itu memang tidak bermutu tidaklah menyedihkan, malang jika mutunya juga masih boleh dipersoalkan pun diterima asalkan mempunyai hubungan baik (baca: mesra) dengan Panggung Negara.

Alangkah malangnya nasib. Salahkah ibu yang mengandung atau sudah nasib malang diuntung?

Ada tokoh tertentu di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (bukan Datuk Sabbarudin Chik) pernah menyatakan teater kita yang bermutu amat terhad. Sementara dari satu segi lain pula kita mendengar sosek-sosek yang tersebar menyatakan pi mai pi mai tang tu juga.

Kenyataan karya kita bermutu terhad sepatutnya dibaca sebagai kenyataan yang amat mengelirukan. Siapakah yang menetapkan mutunya, sama ada skrip, pelakon mahupun pengarahnya? Mereka yang pakar ataupun pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) yang menjalankan kerja hanya mengikut GO? (Maaf kepada PTD yang mempunyai pengetahuan dalam teater!).

Bercakap mengenai mutu teater sedangkan panel penilai produksi masih belum dilantik adalah perkara aneh. Tapi dalam dunia ini banyak juga orang yang suka kepada yang aneh.

Sepatutnya jika kemarau karya bermutu disedari, langkah awalnya hendaklah bermula serentak dengan ucapan itu. Malangnya sehingga sekarang rungutan itu hanya tinggal rungutan tanpa tindakan bersungguh-sungguh, terancang dan bermakna.

Lebih menarik apabila hal itu berlanjutan, ia menjadi alasan kukuh untuk memasukkan karya luar tanpa banyak dipersoalkan.

Dari aspek lain, dalam kegawatan sekarang kerajaan menggalakkan masyarakat menggunakan barangan tempatan, manakah alasan yang munasabah untuk membawa masuk teater luar? Tidakkah teater luar itu barangan import?

Kita bukan menjadi penentang membabi buta (ada pihak menyatakan untuk lembutnya pakai `mengkhinzir cacat penglihatan') terhadap pementasan karya agung dari luar. Paling memeranjatkan kita ialah timbulkesungguhan luar biasa daripada pihak tertentu. Orang teater bertanya: Ada apa-apakah?

Kelebihan karya agung memang tidak dinafikan. Namun, yang merisaukan ialah apabila terlalu ghairah dengan karya itu sehingga terjadi keadaan mengganas pula, kita dengan sendirinya lupa pada karya sendiri sama ada yang lama mahupun kontemporari. Natiujahnya kita lupa kepada penggiat teater kita.

Satu persoalan lagi ialah penonton yang bagaimanakah yang dicari Panggung Negara? Golongan atasan ataupun semua golongan? Jika Panggung Negara memilih khalayak, secara langsung mahupun tidak, tidakkah itu menyempitkan bidang serta ruang dan dengan sendirinya Panggung Negara akan sepi, siang mahupun malam.

Kita melihat tidak ada salahnya membawa karya apa pun ke Panggung Negara.

Prasyaratnya ialah melalui perancangan, bukan bagi memenuhi suatu macam kekosongan yang diakibatkan oleh kegagalan perancangan. Adalah perkara aneh dan ajaib jika Panggung Negara tidak boleh merancang untuk memenuhi ruangnya sebagai seharusnya selaras dengan terdirinya panggung itu.

Kemasukan karya luar seharusnya menjadi alternatif variasi dan bukan matlamat memenuhi ruang Panggung Negara. Dalam hal ini Panggung Negara mesti mempunyai hubungan mesra dengan setiap pengarah dan kumpulan yang aktif di Kuala Lumpur mahupun pada peringkat negeri. Panggung Negara tidak harus ego, sombong, bongkak apatahlagi bermusuh dengan kumpulan itu.

Sekarang penggiat teater kita ghairah ingin berkarya tetapi jaminan pasaran sangat tipis. Ini tidak pula bermakna mereka mengharapkan sentiasa disuap kerana selama ini pun mereka aktif sendiri. Namun, jika lorong dan jalan yang baik diberikan kementerian dan Panggung Negara, ia adalah jaminan yang amat bermakna.

Teater Malaysia mengikut Pengarah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Terengganu) Sulaiman Sarijan, terbahagi kepada tiga tahap iaitu hobi, amatur dan semi pro berbanding Barat yang sudah pro.

Katanya, teater di Terengganu misalnya masih pada peringkat hobi. Pada tahap ini penggiat menghabiskan wang dan masa untuk mencapai tahap amatur. Sekurang-kurangnya diperlukan masa tiga tahun untuk mencapai tahap itu dengan kekerapan pementasan sekurang-kurangnya lima kali.

Bagi saya hobi bermakna melakukan kerja secara suka-suka bagi mengisi masa lapang.

Melihat kepada kesungguhan penggiat yang baru terlibat dalam teater saya kira label hobi tidak sesuai kerana mereka melakukan kerja bersungguh-sungguh, malah ada setengahnya sanggup menghabiskan ribuan ringgit. Sayangnya, tokoh demikian sudah mengundurkan diri. Dalam hal ini apa yang dilakukan oleh kementerian dan Panggung Negara?

Satu gerakan yang bertujuan mencungkil bakat baru dan mengekal atau menggiat serta menghidupkan yang sedia ada seharusnya dilakukan kementerian mahupun Panggung Negara. Tetapi apabila kita katakan demikian, nanti pihak terbabit menyoal siapakah kita yang pandai-pandai mengajarnya?

Jadi macam mana? Takkanlah perkara yang semacam inipun hendak kita beritahu kepada Datuk Sabbaruddin Chik mahupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru mereka nak bergerak.

Sesungguhnya teater di negara ini mempunyai masa depan yang cerah. Kita percaya Panggung Negara didirikan pun kerana kepercayaan demikian.

Namun, semua pihak yang terlibat hendaklah duduk semeja mencari resipi dan perasa baru dalam segala hal bagi memaju dan melariskan teater kita. Kerjasama semua pihak (termasuk aktivis teater Inggeris) amat penting dan ini bukan demi teater semata-mata tetapi demi negara dan bangsa kita seluruhnya.

(END)